

Kata Bilangan

- Kata bilangan ialah perkataan yang digunakan untuk menyatakan **jumlah sesuatu**.
- Kata bilangan terbahagi kepada enam jenis, iaitu kata bilangan tentu, tak tentu, pecahan, pisahan, himpunan, dan tingkat.
- Contoh: Kamala mendapat tempat **pertama** dalam pertandingan pakaian beragam.

Kata Bilangan	Kata Bilangan Tentu	satu, sepuluh, seratus, dua ribu
	Kata Bilangan Tak Tentu	segala, semua, para, beberapa
	Kata Bilangan Pecahan	suku, setengah, separuh, tiga perempat
	Kata Bilangan Pisahan	setiap, tiap-tiap, masing-masing
	Kata Bilangan Himpunan	kedua-dua, beratus-ratus, beribu-ribu
	Kata Bilangan Tingkat	pertama, kedua, ketiga

- Contoh lain bagi kata bilangan seperti **sekalian, seluruh, banyak, sedikit, sesetengah, dua pertiga, berbagai-bagai, pelbagai, ratusan, ribuan**, dan sebagainya.

✓ Sistem Bahasa: Bahagian A

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. _____ makanan yang dihidangkan kepada kami sedap belaka.
- KLOM UPSR**
- A Setengah C Seluruh
B Semua D Sekalian

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. _____ jenis kraf tangan dijual di kedai cenderamata itu.
- A Setiap C Ribuan
B Pelbagai D Setengah

3. Haidar mengalami demam panas sejak _____ hari yang lalu.
- A berapa C separuh
B setengah D beberapa

4. Sudah _____ kali Noreen dan keluarganya berkunjung ke pulau itu.
- A tiga C tiap-tiap
B satu D ketiga-tiga

5. Hampir _____ daripada ayam ternakan Pak Yunus dijangkiti penyakit.
- A setiap C separuh
B segelintir D sekalian

6. Shahila menunggu Julia dari pukul _____ petang lagi.
- A empat B keempat
C satu perempat D keempat-empat